

Untuk Siaran Segera
30 Ogos 2022

**ASM 2 WAWASAN ISYTIHAR PENGAGIHAN
PENDAPATAN BERJUMLAH RM882.49 JUTA**
Kadar pengagihan pendapatan sebanyak 3.75 sen seunit

- Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), hari ini mengumumkan pengagihan pendapatan untuk dana harga tetapnya, Amanah Saham Malaysia 2 – Wawasan (ASM 2 Wawasan) bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2022.
- ASM 2 Wawasan mengisytiharkan pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM882.49 juta yang memanfaatkan 906,645 pemegang unit. Setakat 25 Ogos 2022, ASM 2 Wawasan mencatatkan pendapatan bersih direalisasi sebanyak RM725.10 juta.
- Pengagihan pendapatan sebanyak 3.75 sen seunit berada pada 177 mata asas mengatasi penanda aras pulangan Deposit Tetap 12 Bulan Maybank iaitu sebanyak 1.98% bagi tempoh yang sama.

Kuala Lumpur, 30 Ogos 2022: Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), hari ini mengumumkan pengagihan pendapatan untuk dana harga tetapnya, Amanah Saham Malaysia 2 – Wawasan (ASM 2 Wawasan) bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2022.

ASM 2 Wawasan mengisytiharkan pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM882.49 juta, yang akan memanfaatkan oleh 906,645 pemegang unit. Setakat 25 Ogos 2022, dana tersebut memperoleh jumlah pendapatan kasar sebanyak RM1.05 bilion dan mencatatkan pendapatan bersih direalisasi sebanyak RM725.10 juta.

Pendapatan untuk ASM 2 Wawasan diperoleh daripada keuntungan yang direalisasi, dividen serta lain-lain pendapatan daripada pelaburan domestik dan antarabangsa. Hasil pendapatan daripada ekuiti kekal sebagai penyumbang utama dengan pelaburan antarabangsa dan domestik masing-masing menyumbang 37.3% dan 36.0% kepada pendapatan kasar dana. Dana tersebut juga telah mendapat manfaat daripada kepelbagaian portfolio yang telah membuahkan hasil positif, dengan peruntukan kepada pelaburan antarabangsa meningkat sehingga 17.8% berbanding 14.9% pada tahun 2020.

Agihan pendapatan ASM 2 Wawasan adalah bersamaan dengan jumlah pulangan sebanyak 3.75%, mengatasi penanda aras Deposit Tetap 12 Bulan Maybank yang berada pada paras 1.98% sebanyak 177 mata asas bagi tahun kewangan setakat 30 Ogos 2022. Dalam tempoh yang sama, FTSE Bursa Malaysia KLCI susut sebanyak 5.46%, daripada 1,601.38 pada 31 Ogos 2021 kepada 1,500.29 mata pada 26 Ogos 2022.

Pengiraan pengagihan pendapatan untuk ASM 2 Wawasan adalah berdasarkan purata baki bulanan minimum yang dipegang sepanjang tahun kewangan bagi dana tersebut. Pengagihan yang diisytiharkan oleh ASM 2 Wawasan akan dilaburkan semula secara automatik sebagai unit tambahan ke dalam akaun pemegang unit pada 1 September 2022.

Urus niaga ASM 2 Wawasan di semua cawangan dan ejen ASNB termasuk semua platform digital dan perbankan internet telah ditangguhkan buat sementara waktu dari 25 hingga 31 Ogos 2022. Pemegang unit boleh melakukan semula urus niaga di portal myASNB (www.myasnb.com.my), atau melalui aplikasi mudah alih myASNB atau di mana-mana cawangan atau ejen ASNB di seluruh negara bermula 1 September 2022.

-Tamat-

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my.

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,700 cawangan ejen seluruh negara yang terdiri daripada Pos Malaysia, Maybank, CIMB Bank, RHB Bank, BSN, Ambank, Affin Bank, Bank Muamalat, Hong Leong Bank, Alliance Bank dan Bank Islam. ASNB kini mengurus 16 dana unit amanah dengan unit dalam edaran (UIC) melebihi 280 bilion dan lebih 14 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.asnb.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03-7730 8899.

Amanah Saham Malaysia 2 - Wawasan (ASM 2 Wawasan)

ASM 2 Wawasan (dahulunya dikenali sebagai Amanah Saham Wawasan 2020) merupakan unit amanah harga tetap yang dilancarkan pada 28 Ogos 1996. Ia adalah dana aset campuran/pendapatan sesuai untuk pelabur yang memahami hubungan kait antara risiko dan pulangan pelaburan serta mengharapkan manfaat daripada pertumbuhan jangka panjang hasil pelaburan semula pengagihan pendapatan (sekiranya ada) serta penerimaan pendapatan (sekiranya ada) ke atas pelaburan mereka.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad

PENGAGIHAN PENDAPATAN

TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 OGOS 2022

DANA HARGA TETAP



ASM 2 Wawasan

KADAR PENGAGIHAN

3.75
sen seunit

JUMLAH PENGAGIHAN

RM 882.49
JUTA


Prospektus Induk ASNB bertarikh 1 Februari 2020, Prospektus Induk Tambahan Pertama bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 16 September 2020, Prospektus Tambahan Pertama ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 20 Oktober 2021 dan Prospektus ASN Equity Global bertarikh 1 September 2021 ("Prospektus"), telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Sila baca dan fahami kandungan Prospektus tersebut bersama Halaman Serlahan Produk yang terdapat di laman sesawang (www.asnb.com.my) cawangan dan ejen ASNB. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi Prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan risiko pelaburan serta yuran dan caj yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan/atau naik. Prestasi tabung masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan.

PENGAGIHAN PENDAPATAN

TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 OGOS 2022

DANA HARGA TETAP

Mengatasi Penanda Aras
Sebanyak 177 mata asas



Nota:

¹ Kadar Deposit Tetap 12-Bulan Maybank setakat 30 Ogos 2022

Prospektus Induk ASNB bertarikh 1 Februari 2020, Prospektus Induk Tambahan Pertama bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 16 September 2020, Prospektus Tambahan Pertama ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 20 Oktober 2021 dan Prospektus ASN Equity Global bertarikh 1 September 2021 ("Prospektus"), telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Sila baca dan fahami kandungan Prospektus tersebut bersama Halaman Serlahan Produk yang terdapat di laman sesawang (www.asnb.com.my) cawangan dan ejen ASNB. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi Prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan risiko pelaburan serta yuran dan caj yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan/atau naik. Prestasi tabung masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan.